



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Siasah
Date	18-24 Mac 2011

22 **Siasah** 18-24 MAC 2011

RENCANA

Memoir seorang 'diktator' Malaysia

Oleh Ramli Abdul Samad

Tun Dr. Mahathir Mohamad kini berusia 85 tahun masih mencari ruang bagi mencari justifikasi bahawa beliau ialah seorang pemimpin yang tidak membuat kesilapan kecil atau besar semasa mentadbir negara selama 22 tahun. Memoir yang dituangkan ke dalam sebuah buku dan dilancarkan pada 8 Mac lalu berusaha meletakkan tindakan-tindakannya sebagai sesuatu yang wajar.

Buku setebal 800 halaman itu bertajuk 'Seorang Doktor di Dalam Rumah.' Beliau lupa bahawa terdapat banyak kritikan tajam terhadap salah guna kuasanya sebelum ini yang telah dibuat oleh pelbagai pihak.

Sesiapa yang membaca memoirnya akan pasti tercabar antara isu besar yang beliau tangani seperti isu pemecatan Anwar Ibrahim, Tun Salleh Abbas. Operasi Lalang, kaedah pembangunan ekonomi yang diambilnya dan tindakan penyelamatan terhadap kroni-kroninya. Pada isu yang dibicarakan tadi beliau telah melakukan sesuatu yang amat pincang atau melanggar hak asasi manusia. Memoirnya berusaha membela keputusan-keputusan yang beliau ambil adalah untuk kepentingan negara.

Beliau memecat Anwar Ibrahim kononya Anwar Ibrahim mempunyai sifat yang jijik, tetapi terbukti yang kes liwat I Anwar Ibrahim dulu itu tidak berlaku.

Kes Sodomi II

Hakikat sebenar pemecatan itu seperti umum ketahui adalah Anwar Ibrahim bakal menjadi pencabar terbahutnya disembunyikan dan tindakan 'pre-emptive' diambil lalu proses yang melibatkan Peguam, Mahkamah dan Polis Negara menjadi satu proses yang panjang dan berbelit-belit. Kini kes Sodomi II tidak kurang memperlihatkan 'konspirasi' pentadbiran Najib yang juga terasa Umno boleh tergugat dengan kehadiran Anwar Ibrahim dalam pentas politik tanah air.

Begitu juga cara Tun Salleh Abbas dipecat. Apakah alasan yang kerja-kerja olahan rumah peribadi Yang Dipertuan Agung ketika itu mengganggu suasana peribadi Tun Salleh Abbas menjadi alasan kukuh dan mantap untuk memecat Salleh Abbas? Mesti ada cara diplomasi lain untuk diselesaikan.

Apakah surat aduan Tun Salleh Abbas kepada Yang Dipertuan Agung yang pihak eksekutif pimpinan Mahathir sedang menyerang pihak kehakiman juga merupakan alasan yang kuat untuk memecat Salleh Abbas? Atau nasib Umno untuk dihidupkan semula pada ketika itu juga sedang menggugat tali hayat Mahathir ketika itu?

Atau sebenarnya Mahathir masih belum rela berundur ketika itu. Mahathir merupakan salah satu pemimpin Asia paling lama dan mundur pada tahun 2003. Berbalik kita pada kaedah pembangunan yang dibawa oleh Mahathir. Beliau masih mengguna pakai kaedah kapitalisme dengan salaman penswastaan, pengkorporatan, korupsi, kronisme, nepotisme dan 'Ketuanan Melayu'.

Beliau obses dengan pertumbuhan ekonomi dan tidak pandang sebelah mata akan isu pemerataan dalam pengagihan kekayaan ekonomi negara.

Hasil pembangunan mengikut acuan itu

telah meletakkan negara kita jauh ketinggalan. Malaysia tertinggal jauh dari segi prestasi ekonomi berbanding dengan Korea Selatan, Singapura, Taiwan atau Hong Kong yang sama-sama menggaum dulu sebagai harimau Asia tapi kini sebaliknya boleh megah bertahan lebih baik dari Indonesia, Kemboja, Bangladesh, Filipina, Vietnam dan mungkin dengan banyak negara Afrika.

Perkapita kita pada tahun 2008 hanyalah RM7,000 sedangkan Taiwan RM 19,505, Singapura RM 38,172 dan Hong Kong RM31,887. Negara-negara itu tidak banyak memiliki sumber asli, kita ada minyak, galian, getah, balak dan kelapa sawit. Apa dia pembangunan yang dibawa oleh Tun Mahathir? 40%, majoriti orang Melayu hidup miskin sedangkan semua 190 Ketua Bahagian Umno hidup kaya raya.

57.8% daripada jumlah isirumah seramai 5.7 juta meraih pendapatan di bawah RM 3,000 sebulan. Purata sebuah isirumah mempunyai 4.5 anggota. Lebih daripada dua per tiga (70.7%) isirumah negara mempunyai pendapatan kurang daripada RM4,000 sebulan.

Sebaliknya Tun Mahathir masih boleh berasa bangga bahawa Malaysia mempunyai bangunan tertinggi di dunia, Menara Berkembar Petronas pada satu ketika dulu walaupun rakyat miskin yang masih hidup dalam penempatan daif hanya boleh menggigit jari sahaja melihatnya.

Rasuah jangan kata, bacalah buku yang ditulis oleh Barry Wain yang antara lain menyiripkan Mahathir telah menyebabkan sekurang-kurangnya RM 100 bilion hangus, tidak sampai kepada rakyat. Dengan prestasi demikian masih ada orang UMNO yang menganggap Mahathir sebagai 'Wira Dunia Ke-3'. Di mana pergiannya RM52 bilion yang diperuntukkan bagi menanganis isi ekuiti orang Melayu?

Selain itu Mahathir telah meruntuhkan empat tiang seri demokrasi - monarki, kehakiman, parlimen dan banyak lagi institusi seperti Polis, MACC/SPRM, SPR yang semuanya dan di'Umno'kan, makna institusi itu tak boleh berdiri bebas kena tunduk dengan penguasaan eksekutif pada tangan PM.


Diktator

Selama krisis politik 1980-an telah berlaku penahanan tanpa perbicaraan terhadap puluhan aktivis dari pembangkang, penarikan dan penghapusan beberapa akhbar, dan langkah-langkah lain yang membatasi kebebasan pengadilan. PM melantik hampir semua ketua institusi atau lembaga pelaksana perjalanan demokrasi itu. Lantas ramai yang menganggapnya sebagai diktator!

Mahathir terkilan dengan julukan 'diktator' yang selalu muncul dari para pengkritik mengenai cara dia memerintah. Katanya beliau sudah berusaha sebaik mungkin walaupun beliau tidak boleh menjadi hakim atas tindakannya. Mahathir menyerah dan mahu rakyat untuk menilainya.

Buku (memoir) kini beredar dengan publisiti rancak. Jaringan tokoh buku MPH memasang poster-poster yang seakan-akan meyakinkan autobiografi itu akan menjadi buku terlaris bagi tahun 2011.

Ada cerita masa kanak-kanaknya dibesar pada satu kawasan miskin di Kedah, di sebuah permukiman kumuh dengan selokan berbau dan buih hitam mengambang di air. Jika kita ke rumahnya yang kini dibelai oleh Arkib Negara



Kulit buku 'Memoir Dr Mahathir'.

Mahathir tidak sangka yang beliau boleh menjadi perdana menteri kononya para pendahulunya merupakan adalah peguam hasil didikan London dengan salasilah keluarga yang melekat dalam politik Malaysia. Beliau mungkin sama dengan Muhamad Hosni Mubarak yang pada mulanya seorang ahli tentera, (juruterbang) tidak menyangkakan yang Anwar Sadat akan mencalonkannya sebagai Naib Presiden Mesir."

tidak mungkin beliau hidup dalam keadaan sedemikian. Rumahnya pada ketika itu boleh dikira sebagai rumah milik orang berada atau orang dalam kelas pertengahan.

Mahathir mula aktif dalam politik tahun 1950-an pada akhir masa penjajahan Inggeris. Maknanya beliau bukan dalam kategori sebagai orang 'pejuang' kemerdekaan. Mahathir menjadi perdana menteri keempat Malaysia pada tahun 1981.

Mahathir tidak sangka yang beliau boleh menjadi perdana menteri kononya para pendahulunya merupakan adalah peguam hasil didikan London dengan salasilah keluarga yang melekat dalam politik Malaysia. Beliau mungkin sama dengan Muhamad Hosni Mubarak yang pada mulanya seorang ahli tentera.(juruterbang)

tidak menyangkakan yang Anwar Sadat akan mencalonkannya sebagai Naib Presiden Mesir.

Tujuan menjadi seorang pemimpin yang harus dikenang ialah dia harus membawa negaranya ke suatu sasaran (misi atau visi) iaitu sebuah negara yang sejahtera, rakyatnya mengamalkan hak-hak demokrasinya, meningkatkan budaya bangsanya, segar dan dinamiskan institusi demokrasi dan mengurangkan jurang pendapatan antara semua kelas.

Dari perspektif ini tiada apa yang dapat dibanggakan sangat dengan pencapaian Tun Mahathir selama 22 beliau menjadi ketua eksekutif Malaysia melainkan beliau selalu mendapat sorotan hebat dari media massa milik pemerintah.